

03 OCT 1998

BSKL-MINGGUAN/I

HARGA SAHAM BERGERAK DLM KADAR KECIL MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Kekurangan petunjuk baru dan tekanan jualan yang berterusan dijangka membebani harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur minggu depan, kata peniaga-peniaga.

Mereka percaya sentiman pasaran juga akan dilemahkan oleh kerugian berterusan di Wall Street, yang turun berikutan kebimbangan besar terhadap kesan jangkitan krisis ekonomi Asia ke atas Amerika Latin.

Kebimbangan yang semakin meningkat bahawa kemelesetan global tidak dapat dielak meskipun terdapat pelonggaran dasar kewangan di kedua-dua negara maju dan negara yang berdepan dengan krisis, telah menyerapi dagangan dengan kebanyakan pelabur memilih untuk tidak memasuki pasaran, kata seorang peniaga kanan dengan sebuah bank tempatan.

Harga dijangka diniagakan dalam jajaran sempit dengan pelabur-pelabur asing mengambil pendekatan "tunggu dan lihat" menjelang pengumuman Belanjawan 1999 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 23 Okt ini, tambahnya.

Peniaga itu berkata: "Pasaran kini mengalih tumpuannya kepada kemungkinan insentif pasaran yang akan diumumkan dalam Belanjawan 1999 dan berharap insentif yang akan diumumkan itu dapat menangani semua ketidaktentuan dalam faktor-faktor dan dasar ekonomi."

Bursa tempatan itu juga dijangka dikuasai oleh pelabur-pelabur individu dan dana tempatan pada minggu depan yang akan menjalankan kegiatan membeli secara kecil-kecilan saham murah terpilih bagi meraih keuntungan segera.

Perkara ini, katanya, akan membantu meningkatkan sedikit pasaran tetapi kekurangan sokongan susulan daripada pelabur-pelabur berinstitusi boleh menyebabkan penurunan semula kenaikan itu.

Bagi minggu dikaji, pasaran bergerak dalam kadar dagangan ketat apabila ramai pelabur tidak memasuki pasaran berikutan keadaan ketidaktentuan terhadap arah segera pasaran.

Harga meneruskan aliran lemah ketika penggubal undang-undang membahaskan pemindaan dan pembaharuan peraturan sekuriti Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa lalu membentangkan Rang Undang-Undang Industri Sekuriti (Depositari Pusat) (Pindaan) untuk menjamin ketelusan dalam transaksi sekuriti dalam usaha untuk memulihkan keyakinan terhadap pasaran ekuti tempatan.

Indek Komposit ditutup pada 363.06 minggu ini, 24.22 mata lebih rendah berbanding penutupan 387.28 pada minggu lalu.

Indeks Emas turun 5.72 mata untuk ditutup pada 96.55 dari 102.27 pada minggu lalu manakala Indeks Perusahaan jatuh 44.04 mata kepada 720.37 dari 764.41 dan Indeks Papan kedua susut 3.06 mata kepada 91.07 dari 94.13 pada minggu lalu.

Keseluruhan jumlah dagangan bagi pasaran biasa minggu ini menurun kepada 439.091 juta saham bernilai RM633.192 juta dari 792.828 juta saham bernilai RM1.169 bilion pada minggu lalu.

Jumlah dagangan Papan utama merosot kepada 422.027 juta saham bernilai RM608.474 juta dari 747.993 juta saham bernilai RM1.088 bilion minggu lalu.

Jumlah dagangan Papan Kedua jatuh kepada 17.064 juta saham bernilai RM24.718 juta dari 30.428 juta bernilai RM50.841 juta.

Jumlah dagangan langsung, bagaimanapun meningkat kepada 23.541 juta saham bernilai RM31.468 juta berbanding 14.407 juta saham bernilai RM29.465 juta sebelumnya.

United Engineers mengekalkan kedudukannya sebagai saham paling cergas

minggu ini dengan sejumlah 17.371 juta saham diniagakan. Ia ditutup 25 sen lebih rendah pada RM1.98.

Ia diikuti oleh Time Engineering, yang turun 14 sen kepada 75 sen dengan 13.362 juta diniagakan, Bernas yang naik 14 sen kepada RM1.25 (11.478 juta saham diniagakan), Ekran turun 12 sen kepada 77 sen (10.870 juta saham), TA Enterprise Bhd Warrants jatuh satu sen kepada 13 sen (9.198 juta saham diniagakan) dan B-Group susut enam sen kepada 50 sen dengan 9.182 juta.

Saham lain adalah TR Industries yang turun sembilan sen kepada RM1.18 dengan 8.537 juta saham diniagakan, Magnum jatuh tujuh sen kepada RM1.05 (8.361 juta saham), Telekom susut 60 sen kepada RM5.85 (8.034 juta saham) dan Renong turun 19 sen kepada 86 sen (7.949 juta saham).

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang bagi 16.335 juta saham yang diniagakan, barangan perusahaan 32.835 juta, pembinaan 50.128 juta, perdagangan/perkhidmatan 125.106 juta, prasarana 2.470 juta, kewangan 59.067 juta, hotel 894,840, harta 59.005 juta, perladangan 17.319 juta, perlombongan 1.144 juta, amanah 302,000, dana tertutup 573,000, pinjaman 10.977 juta dan TSR/warran 45.867 juta.

-- BERNAMA

AA ZK OS